

# UMS bakal bangunkan tanah di Keningau

UB 27.06.2023 P.01

Oleh Yap Siong Han

**KOTA KINABALU:** Pusat Pengurusan EcoFarm (PPEF) Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan membangunkan penanaman kelapa bersepadu di Kampung Api-Apin, Keningau.

Usaha itu akan dibangunkan di sebahagian tanah milik UMS di kampung berkenaan.

Untuk itu, satu majlis pertukaran dokumen Memorandum Perjanjian (MoA) dengan dua syarikat terkenal di rantau ini, iaitu Malaysian Kuwaiti Investment Co. Sdn. Bhd. (MKIC) dan Yun Fook Resources Sdn. Bhd.

(YFR) telah dimeterai. MoA dengan MKIC

adalah untuk penanaman kelapa bersepadu, termasuk kajian penghasilan makanan ternakan daripada sisa organik pertanian.

Bagi YFR pula, projek yang akan dijalankan adalah penanaman kelapa sawit bersepadu, termasuk kajian jarak tanaman kelapa sawit.

Pertukaran dokumen tersebut disempurnakan oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Mansor dan Pengerusi MKIC, Datuk Seri Dr. Sabin Samitah serta Pengarah Urusan YFR, Datuk Yap Yun Fook.

Majlis yang berlangsung di Galeri Majlis UMS, disaksikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, sempena lawatan kerja beliau ke UMS.

Kasim berkata, kerjasama ini antara lain bertujuan mendukung pembangunan pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan dalam melestarikan industri



**BERTUKAR DOKUMEN:** Kasim (kiri) bertukar dokumen MoA dengan MKIC, sambil disaksikan Mohamed Khaled (tengah).

pertanian, penghasilan makanan ternakan di Sabah.

“Ta termasuk penggunaan pengetahuan seperti penghasilan makanan ternakan secara probiotik bagi meningkatkan pencernaan dan pengambilan nutrien oleh haiwan.

“Ini selaras dengan salah satu hasrat dalam Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya iaitu meningkatkan produktiviti pertanian melalui penggunaan teknologi terkini sejajar dengan Revolusi Industri (IR4.0) dan Internet of Thing (IoT).

“Kerjasama ini turut membantu UMS dalam memaksimumkan penggunaan aset sekali gus memberi pulangan pendapatan dan meningkatkan kelestarian kewangan universiti.

“Di samping itu, ia juga membantu UMS menghasilkan graduan pertanian yang siap sedia memberi impak kepada

industri pertanian sejurus selepas bergraduat,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof. Ir. Dr Rosalam Sarbatly yang menerajui rundingan antara UMS dan kedua-dua syarikat tersebut berkata, kos operasi pembangunan tanah dan penyelidikan di tanah berkenaan, yang secara amnya merupakan sebuah Makmal Hidupan UMS akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak syarikat.

Katanya, UMS berperanan sebagai peneraju kepada penyelidikan yang akan dijalankan kemudian.

“Projek ini merupakan satu kerjasama pintar dalam penyelidikan dan inovasi di peringkat universiti kerana ia akan menghasilkan produk yang terus digunakan oleh industri serta masyarakat.

“Dapatan dari

penyelidikan di Makmal Hidupan ini akan diterbitkan dalam jurnal berimpak tinggi,” katanya.

Pengarah PPEF UMS, Dr. Januarius Gobilik berkata, skop kerjasama dengan MKIC akan melibatkan penanaman kelapa matag (hibrid) dan tacunan dengan perancangan awal adalah penanaman 3,500 bibit di atas tanah seluas 40 ekar.

“Sisa dari industri ini akan digunakan dalam menghasilkan formulasi makanan ternakan. Integrasi tanaman kelapa dan ternakan juga sebahagian dari rancangan yang difikirkan dalam kerjasama ini.

“MKIC akan menyuntik dana kepada penyelidikan formulasi makanan tersebut melalui AFEEDRI iaitu Makmal Hidup Khusus untuk penyelidikan dan pengindustrian makanan ternakan.